

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 1 (A113)**

Nyatakan perancangan dan halatuju industri pelancongan dalam sektor eko-pelancongan memandangkan Johor mempunyai kepelbagaian flora dan fauna yang menarik serta pelan eko-pelancongan kebangsaan juga akan tamat pada tahun 2025.

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Sebagaimana kita sedia maklum bahawa negeri Johor dianugerahkan dengan pelbagai tarikan pelancongan iaitu dari keunikan sejarah, budaya, makanan, pulau, pantai, taman tema sehinggalah kepada keindahan flora serta fauna yang berpotensi untuk menarik kedatangan pelancong domestik serta antarabangsa ke negeri Johor.

Tidak dapat dinafikan bahawa produk eko pelancongan sememangnya menjadi salah satu daya tarikan utama kepada pelancong domestik dan antarabangsa di negeri Johor. Antara produk eko pelancongan yang terdapat di negeri Johor adalah seperti Taman Negara Johor Tanjung Piai, Taman Negara Johor Pulau Kukup, Taman Negara Johor Endau-Rompin, Taman Negara Johor Gunung Ledang dan Taman Negara Johor Selai.

Untuk makluman, kerajaan negeri melalui agensi seperti Perbadanan Taman Negara Johor, Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan Tourism Johor sememangnya mempunyai perancangan dan hala tuju untuk memperkasakan eko pelancongan negeri Johor. Di mana perancangan dan hala tuju ini bukanlah semata-mata bagi tujuan pelancongan sahaja tetapi sebaliknya lebih kepada pemuliharaan ekosistem alam sekitar dan mendidik para pelancong serta masyarakat tempatan agar menghargai alam semulajadi.

Antara perancangan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri melalui agensi seperti Perbadanan Taman Negara Johor, Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan Tourism Johor adalah sepertimana berikut :-

1. Meningkatkan kemudahan infrastruktur produk eko pelancongan negeri Johor.
2. Memastikan setiap pembangunan dikawasan eko pelancongan negeri Johor tidak menjejaskan ekosistem alam sekitar.
3. Menggalakkan penganjuran aktiviti pelancongan di kawasan eko-pelancongan.
4. Mewujudkan pakej-pakej eko-pelancongan yang lebih kreatif dan menarik.
5. Memperhebatkan kempen pemasaran dan penggalakan eko-pelancongan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB TUAN HAJI ABD. TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)
SOALAN 2 (A90)**

Apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh PBT terhadap pemilik lot-lot tanah yang semak dan rumah tinggal yang boleh mendatangkan pelbagai kemudaratan kepada penduduk sekitar.

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor sentiasa melaksanakan pemantauan bagi memastikan keseluruhan kawasan pentadbiran sentiasa bersih dan berkeadaan baik. Merujuk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), "kacau ganggu" ditafsirkan sesuatu perbuatan, peninggalan atau benda yang menyebabkan atau mungkin menyebabkan bencana, kegusaran, kesalahan, kerosakan, bahaya atau kecacatan kepada deria penglihatan, bau atau pendengaran atau yang membencanakan atau berbahaya atau yang mungkin membencanakan atau berbahaya kepada kesihatan atau harta atau yang menjejaskan keselamatan atau hak penduduk umumnya. Oleh itu, bagi menangani masalah premis atau kawasan lapang yang menjadi kacauganggu awam terhadap penduduk sekitar, PBT boleh mengambil tindakan perundangan di bawah tersebut seperti berikut :

- i. **Seksyen 74** membolehkan mana-mana pemunya, penduduk/ penyewa mana-mana rumah, bangunan/tanah sama ada layak diduduki oleh tuan atau tidak yang membiarkan rumah, bangunan/tanah itu di dalam keadaan kotor/diliputi tumbuh-tumbuhan rimbun dan mudarat apabila disabitkan didenda tidak melebihi RM1,000/dipenjarakan tidak lebih 6 bulan atau kedua-dua dan didenda tambahan tidak melebihi RM100 bagi setiap satu hari selamat tempoh kesalahan diteruskan.
- ii. **Seksyen 75** kuasa untuk memasuki dan mencuci rumah/bangunan, PBT boleh mengarahkan penduduknya membersihkan kediaman dan PBT boleh memasuki kediaman untuk membersihkan kawasan.
- iii. Mengambil Langkah Proaktif menghantar surat kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk menggunakan **Seksyen 81 (k)**, dengan mengisytiharkan semak samun sebagai suatu kacauganggu bagi memudahkan tindakan terhadap pemilik premis dan kawasan lapang yang bermasalah.
- iv. Tindakan tersebut adalah bersesuaian kerana di dalam **Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)** turut menyatakan bahawa setiap kesalahan kacauganggu di bawah kesalahan yang telah dimaksudkan dalam Seksyen 81, Pihak Berkuasa Tempatan boleh menyampaikan suatu notis kepada orang yang telah menyebabkan kacau ganggu itu terbit sebagaimana yang telah disediakan di dalam Akta tersebut iaitu sebagaimana yang tertulis di dalam **Borang B, Akta 171**.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

PBT juga giat mengenalpasti kawasan lapang dan premis terbiar yang menjadi kacauganggu awam. Sebagai contoh, sehingga Oktober 2018, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah berjaya mengenalpasti sebanyak 62 kawasan lapang dan 328 buah premis tinggal yang menjadi punca kacauganggu awam kepada penduduk sekitar.

Pihak MBBJ telah melaksanakan beberapa inisiatif iaitu membuat kerja-kerja penghapusan kacauganggu menggunakan perkhidmatan secara “in-house” (Unit Task Force, MBBJ) dan “out-sorce” (Kontraktor “back-up”). Bagi tindakan ini, pihak MBBJ menggunakan Seksyen 81, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) untuk mengambil tindakan terhadap kawasan lapang dan premis terbiar berpemilik yang mempunyai masalah kacauganggu tersebut. Segala kos yang terlibat Segala kos yang terlibat dengan kerja-kerja penghapusan kacauganggu tersebut akan dituntut kepada pemilik berkenaan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 3 (A22)**

Sila nyatakan berapa unit rumah Generasi Kedua Felda yang telah di bina sepanjang tempoh Mei hingga November 2018.

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

560 unit rumah PGBF siap 100%. Pengedaran Surat Tawaran dari unit Perumahan Felda telah diberikan kepada yang berjaya dan baki sebanyak 1130 unit sedang dibuat tender baru untuk kerja- kerja menyiapkan rumah tersebut. Bagi tempoh Mei hingga November 2018 tiada pembinaan rumah baru untuk Generasi Kedua Felda.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD. NOR (KEMELAH)
SOALAN 4 (A109)

Apakah usaha-usaha serius yang sedang dijalankan oleh kerajaan negeri bagi memastikan pencemaran sungai-sungai Johor tidak berlarutan setelah sekian lama berlaku?

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Jabatan Alam Sekitar bertindak mengawal dan menguatkuasakan masalah pelepasan efluen atau kumbahan yang dihasilkan oleh punca-punca yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 termasuk kilang-kilang perindustrian, loji-loji kumbahan serta projek-projek pembangunan yang tertakluk kepada Environmental Impact Assessment (EIA) dengan memastikan pematuhan kepada standard pelepasan yang telah ditetapkan bagi setiap kategori premis.

Bermula 1 Januari 2019, kilang-kilang kelapa sawit dan kilang getah dikehendaki untuk mematuhi standard pelepasan sama ada ke alur air atau atas tanah yang lebih ketat iaitu Standard Pelepasan kepada Standard A. Tujuannya adalah untuk mengurangkan beban pencemaran effluen dari kilang kelapa sawit dan getah yang dilepaskan ke dalam sungai-sungai dalam Negeri Johor dan untuk terus memulihara dan memelihara keadaan sungai untuk terus bersih bagi tatapan generasi kini dan generasi akan datang.

Begitu juga dengan projek-projek pembangunan yang tertakluk kepada EIA untuk patuh kepada standard A bagi pelepasan ke alur air. Tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil bagi sebarang ketidakpatuhan ialah dengan mengeluarkan notis arahan, tawaran kompaun, tindakan mahkamah, tahan operasi penyitaan, pelucuthakan/ pelupusan hak, perintah larangan, perintah berhenti kerja, gantung/ batal lesen dan tangkapan.

Walau bagaimanapun, masalah pencemaran sungai di Negeri Johor dikenalpasti juga berpunca daripada punca-punca selain yang dinyatakan di atas iaitu termasuk aktiviti komersial iaitu restoran, gerai, pasar basah, pusat cuci kenderaan, tapak sampah haram dan sebagainya di mana ianya tidak tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling yang memerlukan komitmen dan kerjasama semua pihak untuk memastikan kualiti air sungai dapat dipulihkan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI (LAYANG-LAYANG)
SOALAN 5 (A67)**

Dalam keadaan harga barang yang semakin meningkat dan ekonomi yang tidak menentu, apakah langkah-langkah kerajaan bagi membantu rakyat dan juga pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan negeri?

JAWAPAN YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPIAH

Kementerian ini sentiasa peka dan peduli akan usaha-usaha untuk memberikan kesejahteraan kepada rakyat, khasnya dalam menangani isu kos sara hidup. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian ini termasuklah:-

- i. Melaksanakan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan**, iaitu pada empat (4) musim perayaan yang utama (**Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas**), pihak Kementerian akan menetapkan **harga siling bagi suatu senarai barangan keperluan asas**. Skim Kawalan Harga Musim Perayaan ini **dapat mengawal peniaga daripada mengaut keuntungan berlebihan dan memastikan harga barang yang ditawarkan adalah berpatutan** selain dapat memastikan bekalan adalah mencukupi di pasaran untuk kegunaan pengguna.
- ii. Menganjurkan program "**Back to School**" setiap tahun di mana barangan dan peralatan persekolahan dijual dengan harga yang berpatutan. Ini sekaligus dapat **membantu para ibu bapa** untuk membuat persiapan bagi anak-anak mereka sebelum bermulanya sesi persekolahan tahun yang baru.
- iii. Mengadakan usahasama dengan **pihak pengilang, hypermarket, supermarket, iks dan usahawan yang menjual barangan keperluan asas** untuk menjual barang secara terus kepada pengguna tanpa melalui orang tengah sepertimana **Karnival Mega Muafakat Johor (KMMJ)**. Program ini telah **bermula pada tahun 2015** dan mencatatkan kejayaan penganjurannya setiap tahun.
- iv. Pihak Kementerian ini juga telah dipilih untuk mengendalikan **Program Food Bank Malaysia** yang mana menjadi titik permulaan kepada usaha kerajaan untuk **meringankan kesan kenaikan kos sara hidup dan mengurangkan pembaziran makanan** di kalangan rakyat Malaysia. Modus program ini adalah melalui inisiatif untuk mengumpul makanan yang dihasilkan daripada peruncitan, perhotelan dan restoran, untuk diagihkan kepada golongan kurang berkemampuan. Program ini akan dilaksanakan menerusi **dua (2) fasa iaitu projek perintis yang bermula sejak Ogos sehingga Disember ini**, manakala **fasa kedua iaitu pelaksanaan secara menyeluruh di seluruh negara bermula Januari tahun hadapan**. Golongan sasar bagi program ini adalah penerima yang terdiri daripada isi rumah berpendapatan kurang **RM930 sebulan** dan berdasarkan maklumat e-kasih, di seluruh negara

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

terdapat seramai **186,354 ketua isi rumah** berada dalam **paras garis kemiskinan**. Syarikat pasar raya, pengilang dan industri perhotelan di Negeri Johor adalah diseru untuk bersama-sama KPDNHEP Negeri Johor dalam menayakan Program Food Bank Malaysia ini.

- v. **Kempen Harga Patut** turut dilaksanakan bagi memastikan rakyat terus mendapat bekalan barangan pada harga yang terendah melibatkan pasar raya besar, pasar raya dan pasar mini di seluruh negara. KPDNHEP Negeri Johor baru sahaja menganjurkan program **Kempen Harga Patut 2018 pada 17-18 November 2018 di Padang A Angsana Johor Bahru Mall**, yang mana telah mendapat sambutan hangat daripada para pengguna dalam mendapatkan barang keperluan asas dengan harga yang berpatutan.
- vi. Bagi tahun 2018, Kementerian ini juga telahewartakan tempoh-tempoh yang berikut untuk menggalakkan para peniaga menawarkan barangan dengan harga yang murah kepada pengguna;-
- a) **Jualan Awal Tahun (1 Februari 2018- 15 Mac 2018)**
 - b) **Karnival Jualan Mega 1 Malaysia (15 Mei 2018 - 31 Julai 2018)**
 - c) **Jualan Akhir Tahun 1 Malaysia (1 November 2018- 31 Disember 2018)**
 - d) **2 tarikh pilihan peniaga (Selain Tarikh Pengawal)**
 - e) **Jualan Murah Hari Sukan Negara 2018 (1 Oktober 2018 – 31 Oktober 2018)**

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NENAS)
SOALAN 6 (A161)**

Sila nyatakan bilangan penumpang Tanjung Belungkor Ferry Terminal dari Tanjung Belungkor ke Changi, Singapore dan dari Changi ke Tanjung Belungkor pada tahun 2015, 2016, 2017 dan 2018?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Perangkaan bilangan penumpang Tanjung Belungkor Ferry Terminal dari Tanjung Belungkor ke Changi, Singapura dan dari Changi ke Tanjung Belungkor bagi tahun 2015, 2016, 2017 dan 2018 adalah sebagaimana jadual berikut berikut:

| TAHUN | BIL MASUK | BIL KELUAR | JUMLAH |
|----------------------------|------------------|-------------------|-----------------|
| 2015 | 14, 171 | 14, 319 | 28, 490 |
| 2016 | 16, 084 | 16, 554 | 32, 638 |
| 2017 | 19, 135 | 19, 765 | 38, 900 |
| 2018 (sehingga Oktober) | 16, 395 | 16, 716 | 33, 111 |
| JUMLAH | 65, 785 | 67, 354 | 133, 139 |

Tanjung Belungkor Ferry Terminal ini diuruskan oleh Marina Island Venture Capital Sdn Bhd (MIVC). Kontrak pengurusan bermula dari 15 Jun 2012 hingga 14 Jun 2022.

Pengurusan adalah dirujuk kepada Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ). Antara perkhidmatan yang disediakan ialah Fresh water supply, Bunkering, Food provision dan Shipping & forwarding agent serta Wharf services.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB DATUK HAJI MD. OTHMAN BIN HJ. YUSOF (KUKUP)
SOALAN 7 (A134)**

Berapakah jumlah pusat sembelihan ayam halal di Negeri Johor dan adakah pusat-pusat sembelihan ini dipantau secara berkala bagi memastikan semua syarikat ini mengikuti setiap garis panduan yang telah ditetapkan untuk memastikan ianya benar-benar halal?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Sehingga kini Pensijilan Halal Malaysia masih bersifat pilihan dan sukarela (*voluntary*) kepada mana-mana industri yang berkaitan. Ia merupakan nilai tambah bagi produk untuk tujuan pemasaran bagi meyakinkan pengguna terutamanya pengguna Muslim. Pensijilan Halal Malaysia hanya diluluskan kepada pemohon yang memenuhi kriteria, manual dan standard Pensijilan Halal Malaysia. Terdapat 7 skim permohonan yang layak untuk memohon Pensijilan Halal Malaysia dan salah satunya adalah skim rumah sembelihan.

Di Negeri Johor sehingga Oktober 2018 terdapat 10 buah rumah sembelihan ayam yang telah dipersijilkan Pensijilan Halal Malaysia. Butiran mengikut daerah sepertimana berikut ;

| Bil | Daerah | Jumlah |
|-----|-------------|--------|
| 1. | Johor Bahru | 1 |
| 2. | Kulai | - |
| 3. | Kota Tinggi | 1 |
| 4. | Pontian | 4 |
| 5. | Kluang | 2 |
| 6. | Batu Pahat | 1 |
| 7. | Muar | 1 |
| 8. | Tangkak | - |
| 9. | Mersing | - |
| 10 | Segamat | - |

Pusat sembelihan yang telah dipersijilkan Pensijilan Halal Malaysia dipantau secara kerap. Jabatan Agama Johor melalui Bahagian Pengurusan Halal membuat pemantauan ke pusat-pusat penyembelihan melalui dua kaedah iaitu:

1. Pemantauan berkala
2. Pemantauan berdasarkan aduan.

Untuk makluman ahli-ahli yang berhormat, pemantauan ini dilakukan secara kerap sekurang-kurangnya 2 kali setahun bagi sesebuah rumah sembelih. Pemantauan bersepadu secara mengejut (*spotcheck*) juga diaturkan bersama beberapa agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna (KPDHEP), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Veterinar, Jabatan Kesihatan, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Alam

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

Sekitar dan Jabatan Imigresen. Jabatan ini akan bertindak mengikut bidang kuasa masing-masing.

Pusat penyembelihan yang telah memiliki Sijil Halal Malaysia wajib mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan termasuklah memiliki tauliah penyembelihan bagi setiap jurusembelih. Sekiranya didapati pusat penyembelihan tidak mematuhi Manual Prosedur dan Standard yang ditetapkan mereka boleh di ambil tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 (APD2011) , jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda maksimum sebanyak RM 5,000,000.00.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 8 (A115)**

Dalam usaha menarik pelaburan dari luar negara, apakah sektor industri pelaburan baru yang diberi penekanan oleh Kerajaan Johor untuk memastikan Johor terus menjadi negeri yang paling digemari pelabur?

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Kerajaan Negeri akan memberi fokus industri berdasarkan '3H', iaitu *High-Technology, High-Value dan Halal Industry (Teknologi Tinggi, Bernilai tambah tinggi dan Industri Halal) dan Industri 4.0.* Tahun 2019 akan menjadi 'tahun pecutan' untuk Negeri Johor dalam merealisasikan Johor sebagai 'Negeri Berprestasi Tinggi'. Kita perlu memberi penekanan kepada industri-industri ini kerana industri-industri ini merupakan industri penting di peringkat global dalam memacu Negeri Johor sebagai Negeri Berekonomi Maju (*State Advance Economy*).

Untuk menjadi sebuah Negeri Berekonomi Maju, Negeri Johor memerlukan lebih banyak syarikat-syarikat tempatan bertaraf antarabangsa dalam industri berat berteknologi tinggi. Kerajaan perlu menarik lebih banyak pelabur asing untuk bertapak di Negeri Johor bagi menghasilkan jentera, mesin, automobil dan barangan elektronik berteknologi tinggi.

Sektor berteknologi tinggi mampu meningkatkan produktiviti Negeri Johor dengan ketara, dan memberi impak yang tinggi pada jangka masa yang panjang di mana rantai bekalan, daripada pengeluar sehingga pengguna sangat luas. Setiap peringkat dalam rantai bekalan ini mempunyai nilai tambah yang boleh ditawarkan beribu-ribu industri kecil. Ianya membuka jaringan rantai bekalan yang sangat luas dan mencipta puluhan, malahan ratusan ribu peluang pekerjaan mahir berpendapatan tinggi.

Industri halal pula merupakan industri yang semakin mendapat perhatian dan mempunyai potensi yang tinggi untuk diterokai. Keutamaan produk halal bukan sahaja terletak pada sijil, tetapi penghasilan produk-produk tersebut sendiri mementingkan aspek kualiti dan kebersihan. Beberapa strategi yang berkaitan dengan Industri Halal akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri di mana ianya melibatkan Pengalakkan Industri Halal, Pemantauan Industri Halal serta Promosi Industri Halal yang akan dipergiatkan pada tahun 2019.

Pada masa ini, Negeri Johor telah mengenal pasti industri halal sebagai sumber baharu pertumbuhan ekonomi berdasarkan kepada nilai pasaran halal global yang amat besar. Saiz pasaran ini akan terus berkembang berdasarkan peningkatan kesedaran dan permintaan kepada produk dan perkhidmatan halal daripada 1.8 bilion penduduk Islam dari seluruh dunia terutama di Negara Jepun, Timur Tengah dan juga Eropah.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

Kerajaan Negeri akan memastikan industri yang masuk ke Johor tidak mencemarkan alam sekitar dan ianya lebih menumpukan kepada industri yang berkualiti dan memberikan peluang pekerjaan yang lebih banyak kepada Bangsa Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)
SOALAN 9 (A199)**

Adakah PBT boleh mengambil alih pengurusan jenazah bukan Islam yang kini amat tinggi dan membebankan rakyat bukan Islam?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Pertama sekali, saya amat berbesar hati ketika mendapat soalan dari Mahkota kerana Mahkota telah menunjukkan semangat wasatia yang dikagumi, ini memang semangat yang kita perlukan bagi Malaysia dan Johor yang kita cintai ini.

Untuk makluman, selaras dengan peruntukan Seksyen 94, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), bidang kuasa PBT adalah untuk menyediakan tempat yang sesuai dan bertanggungjawab mengeluarkan lesen bagi menggunakan sesuatu tempat untuk tujuan tanah perkuburan atau tempat membakar mayat. Justeru, penyediaan rizab perkuburan bukan Islam telah diambilkira semasa proses kelulusan pelan susunatur. Seterusnya pelan susunatur yang telah diluluskan tersebut telah/akan diwartakan melalui Rancangan Tempatan Daerah (RTD) yang terkini.

Pada masa kini, amalan pengurusan jenazah Islam mahupun bukan Islam adalah di bawah kelolaan Badan Bukan Kerajaan (NGO) mengikut kelaziman keagamaan masing-masing golongan masyarakat.

Sehingga kini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masih belum bersedia untuk mengambil alih pengurusan jenazah bukan Islam dengan mengambil kira sensitiviti kaum dan keperluan komuniti semasa.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 10 (A18)**

Minta dinyatakan apakah tindakan Kerajaan Negeri tentang status pelaksanaan 6 insentif buat peneroka Felda yang diumumkan ketika Hari Peneroka 2017 oleh Kerajaan Barisan Nasional sama ada akan diteruskan atau tidak.

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Untuk makluman sebanyak enam (6) insentif telah diumumkan oleh kerajaan terdahulu. Status pelaksanaan insentif berkenaan adalah seperti berikut :-

INSENTIF 1 : BAYARAN INSENTIF KHAS PENEROKA BERNILAI RM5,000

Sehingga kini, 97% peneroka yang layak telah menerima insentif ini dengan jumlah bayaran sebanyak RM502.61 juta. Baki 3% peneroka belum menerimanya kerana terdapat kekangan kewangan di pihak FELDA dan akan diselesaikan apabila kedudukan kewangan FELDA pulih. Jumlah penerima yang layak untuk Insentif ini dalam Negeri Johor ialah seramai 25,604 dan seramai 25,597 telah menerima bayaran tersebut. Baki bagi peneroka yang belum menerima bayaran ialah seramai 7 kerana masalah perwarisan.

INSENTIF 2 : PELUPUSAN HUTANG TANAM SEMULA BERJUMLAH RM5,000 BAGI SETIAP PENEROKA BERSAMA SISTEM FELDA

Sehingga kini, 72.3% (7,568 peneroka) pembayaran bagi peneroka tiada hutang telah dibuat dan melibatkan jumlah kos sebanyak RM37.84 juta. Bakinya 27.8% (2,892 peneroka) melibatkan kos sebanyak RM14.46 juta masih belum dibayar memandangkan terdapat kekangan kewangan di pihak FELDA.

Manakala bagi seramai 79,958 peneroka yang mempunyai hutang, pelarasan akaun akan dibuat melibatkan jumlah sebanyak RM339.79 juta. Seramai 3183 peneroka layak untuk menerima insentif ini dalam Negeri Johor dan seramai 2422 telah menerima insentif ini manakala baki bagi yang belum menerima masih menunggu kelulusan daripada pihak ibu pejabat.

INSENTIF 3 : DANA KHAS PELUPUSAN LEBIHAN HUTANG TANAM SEMULA (2017 – 2021)

Dana Khas RM300 juta telah diumumkan oleh Kerajaan pada ketikaitu. Namun, ianya tidak disalurkan kepada FELDA. Oleh yang demikian insentif ini masih tidak dilaksanakan.

INSENTIF 4 : GERAN KHAS BANTUAN TANAM SEMULA PENEROKA MELALUI MPOB (2017 – 2020)

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

FELDA telah menerima Geran Khas Bantuan Tanam Semula Sawit daripada MPOB berjumlah RM 30 juta pada 22 Mac 2018. Sehingga kini, sebanyak 66% (RM19.8 juta) telah digunakan. Namun begitu, Peneroka yang terlibat dengan program tanam semula bagi tahun 2017-2020 di Negeri Johor masih belum menerima geran khas ini.

INSENTIF 5 : PELUPUSAN SEBAHAGIAN BAKI PINJAMAN SAHAM FGV

Sehingga kini, 92.8% pembayaran bagi peneroka tiada hutang telah dibuat dan melibatkan jumlah kos sebanyak RM5.2 juta. Baki 7.2% (RM404,040.00) ditangguhkan sehingga kedudukan kewangan FELDA kembali pulih. Manakala, pelarasaan penghapusan Ringgit ke Ringgit bagi yang masih berhutang telah selesai dilaksanakan pada Disember 2017. Seramai 947 peneroka yang terlibat di negeri Johor telah menerima bayaran ini.

INSENTIF 6 : KELULUSAN MEMBINA LEBIH SATU UNIT RUMAH DI DALAM SATU TAPAK

Insentif ini masih diteruskan oleh FELDA dan di peringkat semakan permohonan. Untuk makluman, melalui Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 (GSA 1960), tidak dinyatakan sekatan atau halangan untuk membina dua rumah di atas satu tapak.

Walau bagaimanapun, halangan membina lebih satu rumah di dalam satu tapak rumah peneroka ada dinyatakan dalam Perjanjian Peneroka bersama FELDA semasa kemasukan sebagai Peneroka FELDA (tanaman kelapa sawit dan getah).

Dalam Perjanjian Peneroka bagi tanaman sawit, Klausula 13 menyatakan bahawa, bahagian kawasan rancangan yang seluas lebih 1 / 4 ekar itu, tiada boleh digunakan oleh Peneroka untuk mendirikan apa-apa bangunan kecuali satu bangunan yang bersama-sama dengan sambungan-sambungan digunakan semata-mata sebagai rumah kediaman oleh Peneroka. Manakala dalam Perjanjian Peneroka bagi tanaman getah pula, Klausula 10 menyatakan bahawa, bahagian kawasan rancangan yang mengandungi lot rumah yang mana Peserta telah didaftarkan sebagai penduduk yang kelak dikurniakan Hak Milik, tiada boleh digunakan oleh Peserta untuk mendirikan apa-apa bangunan kecuali satu bangunan yang bersama-sama dengan sambungannya digunakan semata-mata sebagai rumah kediaman Peserta. Di samping itu, Syarat Nyata dan Sekatan Kepentingan yang dinyatakan dalam setiap hak milik Daftaran dan Keluaran oleh setiap Negeri hanya menetapkan untuk sebuah rumah sahaja dan tidak boleh dibina untuk dua unit rumah.

Namun, Seksyen 37 Akta GSA 1960 memberikan kuasa kepada Pengerusi Pihak Berkuasa Pembangunan iaitu Pengerusi FELDA selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri yang berkaitan dan dengan kelulusan Menteri boleh membuat apa-apa undang-undang kecil bagi melaksanakan apa-apa peruntukan Akta ini sepertimana yang terpakai bagi Kawasan Pembangunan Persekutuan [(Seksyen

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

34(2) dan Seksyen 38(1)]; Dengan mengguna pakai peruntukan Seksyen 37 Akta GSA 1960 tersebut, FELDA membuat satu dasar yang membenarkan pembinaan lebih satu rumah di dalam satu tapak rumah milik peneroka yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga FELDA Bil. 366 bertarikh 24 Ogos 2017. Kelulusan dasar ini membolehkan FELDA untuk mengeluarkan Pekeliling Bil. 1/ 2017 Jabatan Pengurusan Tanah iaitu "Tatacara Permohonan Membina Lebih Satu Rumah Di Dalam Satu Tapak Rumah Milik Peneroka" yang berkuat kuasa pada 1 Oktober 2017 (Pindaan 1 Julai 2018).

Pekeliling ini telah diedarkan kepada semua Rancangan FELDA dalam 10 Wilayah FELDA bagi tujuan pelaksanaan dasar tersebut tanpa memerlukan pindaan kepada Akta GSA 1960. Peruntukan Seksyen 37 Akta GSA 1960 berkenaan memerlukan perundingan dengan Pihak Berkuasa Negeri. FELDA telah mendapat pandangan dari Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan supaya penambahbaikan dasar dengan melibatkan semua negeri agar suatu undang-undang kecil bagi maksud pelaksanaan dasar ini dapat dilaksanakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB TUAN ROSELILI BIN JAHARI (JOHOR LAMA)
SOALAN 11 (A200)**

Permukaan jalan yang tidak rata, berlubang, jalan sempit, kenderaan yang banyak, kenderaan berat. Apakah tindakan kerajaan untuk melindungi nyawa dan keselamatan pengguna jalan raya diantara Simpang Perani ke Gugusan Waha dan Gugusan Lokheng (Jalan 99) dan dari Simpang Pasak Felda Air Tawar 2 (Jalan 92).

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Kerja-kerja pembaikan di jalan-jalan yang dinyatakan telah disenaraikan didalam program aktiviti penyelenggaraan jalan dan dijangka laksana pada tahun hadapan (2019). Jalan tersebut adalah jalan persekutuan. Untuk jalan FT92 ada cadangan untuk pelebaran dari 2 lorong kepada 4 lorong (dalam peringkat kajian kemungkinan) dan jalan FT99 tiada dalam perancangan untuk naik taraf.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN (KAHANG)
SOALAN 12 (A9)**

Kerajaan Negeri yang lepas amat mementingkan pembangunan kemahiran / TVET. Namun, tiada kesinambungan pada Kerajaan hari ini dalam usaha menaikkan taraf TVET di Johor. Jelaskan secara terperinci apa usaha yang telah dilakukan dari bulan Mei sehingga Oktober 2018 untuk membangunkan TVET di Johor.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Dalam usaha bagi menaikkan taraf TVET di Johor, JPN memastikan setiap individu murid yang terlibat dalam Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) dan Pendidikan Asas Vokasional (PAV) berjaya mendapat Sijil Kemahiran Tahap 2 (SKM 2)

Antara usaha-usaha telah dilaksanakan:

1. Memberi bantuan dan latihan kepada guru-guru Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) /Pendidikan Asas Vokasional (PAV) dalam proses penyediaan dokumen yang diperlukan untuk permohonan Pusat Bertauliah Cawangan (PBC) dijalankan dari Januari – Disember 2018
2. Memberikan bimbingan awal dengan mengadakan lawatan pra ke lokasi sekolah yang akan dilaksanakan Verifikasi PBC Januari hingga Disember 2018
3. Bekerjasama secara kolaboratif di antara sekolah PVMA /PAV bersama pihak industri/ kolej, antaranya Kolej Kemahiran Johor, Kolej Vokasional
4. Pihak JPN Johor telah melatih 139 Orang Guru kemahiran daripada 41 Sekolah Menengah Harian **(di lampirkan)** yang menjalankan Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) dan Pendidikan Asas Vokasional (PAV) bagi memenuhi kriteria utama Jabatan Pembanguna Kemahiran:
 - Kursus Induksi Kemahiran
 - Kursus Sijil Pengajar Vokasional (VTO)
 - Kursus SKM Tahap 3
5. Pengurus Pusat Bertauliah dikalangan Pengetua atau Guru Kanan Mata pelajaran Teknik dan Vokasional sekolah telah dilengkapi dengan pengetahuan sebagai pengendali Pusat Bertauliah Cawangan menerusi kursus berpusat anjuran Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional Kementerian Pendidikan Malaysia

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB PUAN NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN 13 (A121)**

Sila nyatakan kadar pengangguran terkini di negeri Johor mengikut pecahan umur dan jantina serta usaha-usaha kerajaan, selain daripada menyediakan peluang pekerjaan dan keusahawanan, untuk membangunkan kapasiti (capacity building) meningkatkan kebolehpasaran di kalangan mereka yang menganggur?

JAWAPAN YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPIAH

Kerajaan sentiasa melakukan pelbagai usaha bagi mengatasi masalah pengangguran terutama di kalangan belia. Walaupun pendidikan tenaga kerja semakin tinggi, peluang pekerjaan diwujudkan masih tertumpu kepada berkemahiran rendah dan sederhana, kerana industri masih menekankan kecekapan kos dan tenaga kerja yang murah. Ini kerana hampir semua sektor seolah-olah tidak menghargai kemahiran, tidak membangunkan teknologi baru dan tidak berminat dalam inovasi. Namun, pada masa yang sama, kita juga perlu sedar bahawa pihak industri juga mengalami tekanan kerana tidak mendapat sokongan kewangan untuk automasi serta peningkatan taraf mesin. Malah usaha ke arah penyelidikan dan pembangunan (R & D) juga amat sedikit.

Mengikut data statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, pada tahun 2016 menunjukkan 3.60% kadar pengangguran di Negeri Johor manakala pada tahun 2017 menurun kepada 3.4 %. Jika dilihat kepada data statistik Kementerian Sumber Manusia (KSM) setakat Jun 2018 menunjukkan status pendaftar aktif di Negeri Johor sebanyak 19,645 orang dan 11,030 orang berstatus sedang bekerja.

Justeru itu, Kerajaan Negeri melalui Unit Strategik Modal Insan Johor (SMI) merangka pelbagai inisiatif bagi mengurangkan kadar pengangguran di negeri ini. Antaranya ialah Program Tabung Latihan Kemahiran Johor 2018 (TLKJ) yang telah melatih seramai 320 orang peserta dengan mengikuti pelbagai kursus kemahiran yang selari dengan keperluan industri. Dari 320 orang ini, seramai 222 belia india telah dilatih, 195 belia felda dan 98 orang dari kategori umum. 34 % dari peserta ini adalah wanita. Mereka ini telah diberi latihan di beberapa institusi penyedia latihan yang dilantik sebelum penempatan kerja. Peserta juga akan dipantau sejeurus tamat latihan bagi menilai prestasi kerja.

Selain dari itu, di bawah program Azam Kerja Negeri Johor juga turut menyediakan program-program berbentuk kursus kemahiran dan insaniah bagi meningkatkan kebolehpasaran diri peserta lebih dari 100 peserta pada tahun 2018.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 14 (A171)**

Sila beri penjelasan, mengapa Mesin Pengimejan (X-Ray) di Klinik Kesihatan Pesakit Luar, Batu Pahat yang telah rosak sejak dua tahun lalu, hingga kini tidak dapat digantikan dengan mesin baru?

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Usaha menaik taraf perkhidmatan di semua Klinik Kesihatan termasuk Klinik Kesihatan Batu Pahat adalah satu usaha yang berterusan oleh pihak kerajaan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkesan kepada rakyat. Oleh yang demikian, pihak kerajaan telah melantik syarikat konsesi bagi tujuan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan semua peralatan biomedikal termasuk mesin pengimejan (X-Ray) di semua Klinik Kesihatan. Dengan itu, usaha pembaikan dan penyelenggaraan telah dilaksanakan oleh syarikat konsesi selama ini dari semasa ke semasa.

Namun, Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah ambil maklum mengenai kerosakan teruk peralatan *Radiographic System* (X-Ray) di Klinik Kesihatan Batu Pahat pada bulan Ogos 2017. Permohonan bagi menggantikan peralatan tersebut telah dimajukan kepada Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (BPKK), KKM. BPKK pula telah bersetuju membuat perolehan baru bagi penggantian mesin pengimejan (X-Ray) di Klinik Kesihatan Batu Pahat tersebut di bawah perjanjian tambahan baru bersama syarikat konsesi melalui Program GAP MEET di bawah syarikat Quantum Medical Solutions Sdn Bhd (QMS). Proses penghantaran dan pemasangan dijangka sebelum bulan Mac 2019. Sementara itu perkhidmatan Pengimejan (X-Ray) masih boleh didapati di Hospital Batu Pahat dan Klinik Kesihatan Senggarang.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 15 (A180)**

Minta dinyatakan inisiatif dan perancangan Kerajaan Negeri bagi membantu golongan miskin bandar di Johor.

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) telah merangka pelbagai program dan aktiviti berfokus dan tersusun khususnya kepada kumpulan sasar mulai tahun 2019. Kerajaan amat prihatin dengan permasalahan rakyat sama ada di kawasan kampung, FELDA dan di bandar-bandar. Pada tahun 2017 dan 2018, YPKDT telah melaksanakan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Negeri Johor (IKKJ) dengan kerjasama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) iaitu melibatkan Daerah Johor Bahru, Muar, Pontian, Kluang, Kota Tinggi dan Batu Pahat.

Fokus utama Kajian adalah berdasarkan tujuh (7) domain utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Kesihatan, Keakraban Keluarga, Keselamatan, Kerohanian dan Hubungan Komuniti. Kajian telah dilaksanakan di pelbagai lokasi iaitu melibatkan kawasan kampung, FELDA, dan kawasan bandar terutama di kawasan flat perumahan. Hasil daripada kajian menunjukkan salah satu domain terendah adalah ekonomi selain daripada domain kesihatan dan keselamatan. Domain terendah iaitu Domain ekonomi didapati berlaku di semua lokasi kajian terutamanya di kawasan bandar dan ia tentunya menyumbang kepada faktor ketidakkesejahteraan keluarga.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan melalui YPKDT telah merancang pelbagai program khususnya kepada golongan sasar iaitu program gerak tumpu di kawasan perumahan kos rendah / flat dan rumah setinggan di kawasan bandar dengan menyediakan pelbagai aktiviti kepada ibu tunggal, wanita berpendapatan rendah, anak-anak kepada keluarga berpendapatan rendah/miskin dan golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

Program yang akan dilaksanakan adalah Program Menjana Pendapatan yang memfokus kepada peningkatan ekonomi diri dan keluarga. Antaranya adalah Program pemberian Bantuan Peralatan kepada mereka yang berkelayakan, Kursus Kemahiran dalam bidang-bidang tertentu seperti bidang masakan, bakery dan pastri, jahitan, seni kraftangan, solekan, andaman dan lain-lain kursus yang bersesuaian. Selain itu juga, pendedahan tentang ilmu asas perniagaan, keusahawanan dan motivasi turut disediakan bagi membantu mereka dalam menjana pendapatan keluarga, dapat melahirkan usahawan-usahawan wanita / ibu tunggal dan golongan OKU yang berjaya seterusnya melahirkan OKU yang mampu berdikari.

Manakala bagi OKU yang berpotensi untuk bekerja, YPKDT sentiasa berusaha bekerjasama dengan majikan-majikan yang bersedia untuk menyediakan ruang/peluang pekerjaan kepada OKU yang bersesuaian berdasarkan kemampuan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

mereka. Ini jelas menunjukkan kerajaan amat prihatin dalam membantu golongan sasaran terutama golongan miskin bandar dalam menjalani kehidupan yang lebih berkualiti.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB TUAN HAJI ABD. TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)
SOALAN 16 (A88)**

Apakah yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Johor dalam membantu mengatasi masalah kekurangan guru bahasa Inggeris di sekolah.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Dalam membantu mengatasi masalah kekurangan guru Bahasa Inggeris di sekolah sekolah di Johor, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor telah mengambil inisiatif melatih seramai 450 orang guru-guru bukan opsyen yang mengajar matapelajaran Bahasa Inggeris di dalam Kursus Pemantapan Outreach Pedagogi Pembelajaran Abad Ke 21 (PAK21). Kursus telah dihadiri oleh seramai 200 orang guru dari sekolah menengah dan 250 orang guru sekolah rendah. Kursus ini telah dilaksanakan mengikut zon iaitu Zon Utara (Daerah Tangkak, Muar, Batu Pahat, Kluang dan Mersing) telah diadakan di SMK Seri Intan, Kluang pada 31 Oktober hingga 1 November bagi sekolah menengah dan pada 11 November hingga 12 November bagi sekolah rendah di PPD Batu Pahat. Manakala bagi Zon Selatan (Daerah Johor Bahru, Pasir Gudang, Kulai, Pontian dan Kota Tinggi) telah diadakan pada 4 November hingga 5 November di SK Seri Perling 2 bagi sekolah menengah dan pada 13 hingga 14 November bagi sekolah rendah di SK Taman Megah Ria. Kandungan Kursus meliputi:

1. Pembelajaran dan Pengajaran Abad ke21
2. CEFR (Common European Framework References) Enhancement
3. Formative Assessment
4. Learning Material Adaptation
5. SKPMg2 (Standard Kualiti Pendidikan Malaysia gelombang 2)
6. Best Practices in English Language Teaching

Selain itu juga pelaksanaan Program LET (Learning English Together) di semua sekolah di Johor dapat membantu guru-guru bukan opsyen mengajar Bahasa Inggeris dimana program LET ini merupakan salah satu bentuk PLC (Profesional Learning Community) dilaksanakan seminggu sekali pada hari khamis selama satu jam dari jam 12.00 tengahari hingga 1.00 petang. Program ini membolehkan guru-guru Bahasa Inggeris berkongsi maklumat, amalan terbaik dan kaedah pedagogi bersama semua guru yang mengajar Bahasa Inggeris di sekolah.

Program TFM (Teach For Malaysia) juga salah satu inisiatif yang dapat membantu mengatasi isu kekurangan guru Bahasa Inggeris di sekolah dimana seramai 78 orang graduan yang memohon ke program ini telah ditempatkan di sekolah menengah dan mengajar matapelajaran Bahasa Inggeris selama dua tahun. Seramai 14 orang dari 30 orang yang menyertai TFM bagi kohort 1 telah memilih untuk meneruskan kerjaya dalam bidang perguruan manakala bagi kohort 2 setakat ini sebanyak 60% dari 48 yang menyertai program ini telah memilih untuk meneruskan kerjaya sebagai guru.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 17 (A82)**

Minta dinyatakan tindakan, pandangan dan status terkini yang diambil Kerajaan Negeri mengenai perkembangan pembinaan Rapid Transit System (RTS) Johor Bahru-Singapura yang menurut YAB Menteri Pengangkutan masih lagi dalam 'agreed on principle'.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Projek RTS akan dapat menampung kapasiti sehingga 10,000 penumpang sejam setiap arah (pphd), yang juga dapat menampung kapasiti tambahan sebanyak 60,000 pengguna yang melintasi Causeway semasa waktu puncak. Untuk memudahkan aliran penumpang, projek RTS akan mempunyai kemudahan 'Custom, Immigration and Quarantine' (CIQ) di kedua-dua tempat iaitu Bukit Chagar dan Woodlands Utara. Penumpang hanya perlu membuat 'clearance' di kedua-dua tempat sama ada pihak berkuasa Malaysia atau Singapura di balai berlepas mengikut haluan, dan tidak perlu melalui pelepasan Imigresen sekali lagi pada waktu ketibaan.

Seterusnya untuk makluman, projek RTS kini masih diperingkat memuktamadkan jajaran dan reka bentuk yang paling optimum kerana ianya melibatkan perkongsian laluan diantara kedua-dua negara melalui sempadan antarabangsa (international border) serta memastikan pembahagian kerja semasa fasa pembangunan dapat dilaksanakan secara saksama. Kerajaan Negeri juga akan memastikan agar semasa fasa pelaksanaan, penglibatan kontraktor tempatan Johor harus diambil kira.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 18 (A23)**

Sila nyatakan apakah langkah Kerajaan Negeri Johor untuk mentransformasikan 73 Felda dalam negeri Johor.

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Pihak Felda mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Johor memastikan perkara-perkara berikut perlu diteruskan atau diwujudkan :

1. Latihan kemahiran kepada Generasi Felda melalui Yayasan Pelajaran Johor.
2. Menyusun semula penempatan dalam felda dengan menggalakkan Generasi Kedua Felda untuk tinggal dalam rancangan.
3. Mengenalpasti lot-lot kosong dalam Felda dan memberikan latihan kepada Generasi Kedua untuk terlibat dalam usahawan perkhidmatan dan pertanian.
4. Memastikan sistem pengurusan lading mengikut amalan pertanian yang baik bagi meningkatkan pendapatan peneroka.
5. Kerajaan diminta untuk meneruskan penyaluran dana sebanyak RM 30 Juta bagi membaiki jalan kampung.
6. Mencadangkan agar beban kos yang ditanggung oleh pihak Felda perlu dikurangkan dalam membaiki jalan pertanian.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 19 (A20)**

Sila nyatakan adakah kerajaan negeri Johor bercadang untuk memperkembangkan penggunaan Biodiesel untuk mempertingkatkan penggunaan minyak sawit secara domestik memandangkan kejatuhan minyak sawit yang sangat teruk pada masa ini.

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Kerajaan Negeri Johor bercadang memperkembangkan penggunaan biodiesel kepada kenderaan-kenderaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui pelaksanaan Program B20; iaitu adunan 20 peratus biodiesel sawit dengan 80 peratus diesel petroleum.

Terdahulu, Kementerian Industri Utama serta agensinya Lembaga Minyak Sawit Malaysia telah membentangkan cadangan projek penggunaan B20 semasa Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor Bil. 2/2018 pada 7 Oktober 2018.

Sehubungan hal ini, Kerajaan Negeri Johor sedang dalam proses persediaan melaksanakan Program B20 melibatkan beberapa PBT serta ianya dijangka dapat dilaksanakan dalam masa terdekat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB PUAN ZAITON BIN ISMAIL (SG. BALANG)
SOALAN 20 (A17)**

Adakah kerajaan negeri berhasrat memberi bantuan awal persekolahan untuk anak-anak B40 di negeri Johor kerana kerajaan pusat tidak lagi memberi bantuan seumpama itu.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Untuk makluman, pada tahun 2018 MAINJ telah memperuntukan RM 1,257,800.00 untuk memberi bantuan awal persekolahan untuk anak-anak fakir dan miskin di negeri Johor. Seramai 12 578 murid terlibat dengan bantuan sebanyak RM100 seorang.

Selain itu juga kerajaan negeri Johor melalui YPJ telah memberikan bantuan biasiswa kepada para pelajar persekolahan bagi peringkat menengah dari kalangan keluarga berpendapatan RM3,000 ke bawah. Biasiswa yang dikenali sebagai Biasiswa Kenangan Dato' Onn (BKDO) akan dibayar kepada pelajar pada setiap awal tahun penggal persekolahan bagi memastikan duit biasiswa ini dapat digunakan bagi tujuan persekolahan mereka.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB DATO' SH. AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)
SOALAN 21 (A127)**

Apakah tindakan yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan dalam membantu menayakan Kempen Tindak Demi Anak Kita (TinDAK) untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai penderaan seksual kanak-kanak?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Sebagaimana sedia maklum, kes penderaan terhadap kanak-kanak semakin meningkat dari semasa ke semasa dan ia tidak mengira peringkat umur. Sebagai contoh terkini negara telah dikejutkan dengan kesan penderaan fizikal dan seksual terhadap bayi sehingga membawa kepada kematian. Perkara ini telah membawa kebimbangan kepada masyarakat terutama ibu bapa yang bekerja. Berdasarkan kes yang dilaporkan pelaku bukan di kalangan penjenayah dan tanpa disangka mereka boleh melakukan jenayah tersebut.

Untuk makluman, Kempen Tindak Demi Anak Kita (TinDAK) merupakan sebuah kempen pencegahan yang dianjurkan oleh NGO iaitu Liga Wanita Johor (Jewel) bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai penderaan seksual kanak-kanak dan turut mendapat sokongan Yayasan Raja Zarith Sofiah.

Pada tahun 2018, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor telah menganjurkan Kempen Keselamatan Kanak-kanak iaitu program Sahabat B.I.J.A.K : Safe & Protect telah dilaksanakan di 8 buah sekolah dari pelbagai Daerah yang melibatkan 2400 orang peserta dan kos sebanyak RM40,000.00. Program ini merupakan sebagai satu usaha yang tepat dalam aspek keselamatan dan perlindungan awal terhadap kanak-kanak terutama dari peringkat sekolah. Perkataan B.I.J.A.K merujuk kepada Banteras Indeks Jenayah terhadap Kanak-Kanak.

Program ini diadakan untuk menyebarkan luas maklumat berkaitan keselamatan kanak-kanak khususnya pelajar sekolah menengah atau sekolah rendah serta memberi kesedaran kepada ibu, bapa, penjaga, guru-guru serta masyarakat tentang pentingnya untuk menjaga keselamatan kanak-kanak. Selain itu, program ini juga dapat memberi pendedahan literasi undang-undang kepada semua pihak berkaitan hukuman yang dikenakan kepada pesalah kanak-kanak dan mendedahkan kepada kanak-kanak, ibu, bapa, penjaga, guru-guru serta masyarakat tentang bentuk-bentuk bantuan yang berkaitan dengan keselamatan kanak-kanak.

Program ini juga merupakan satu usaha kerjasama dengan pelbagai agensi iaitu PDRM, Kesihatan, AADK, Bomba, Pendidikan dan juga NGO serta agensi korporat yang melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) bersama masyarakat. Jabatan sedia bekerjasama dengan semua NGO atau agensi yang berkaitan bagi menayakan Kempen TinDAK pada tahun 2018.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

Dalam perkembangan yang sama, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim sebelum ini telah menganjurkan Seminar Kesedaran Jenayah Pedofilia yang dirasmikan oleh DYMM Tuanku Permaisuri Johor. Seminar ini telah diadakan pada tahun 2016 dan 2017 iaitu di Dewan Besar Pusat Islam Iskandar, PERSADA dan Dewan Jubli Intan, Muar. Penglibatan bagi seminar ini adalah dari pelbagai latar belakang iaitu yang terdiri daripada golongan profesional, NGO, pelajar dari Institusi Pengajian Tinggi, ketua-ketua penduduk, dan pelbagai agensi luar. Program ini adalah bagi memberi pendedahan kepada masyarakat bahawa jenayah akan datang pada bila-bila masa dan kepada sesiapa sahaja.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 22 (A19)**

Pada 22 Mac 2018, Felda telah menerima Geran Khas Bantuan Tanam Semula Sawit daripada MPOB. Minta dinyatakan berapa ramaikan peneroka Felda di dalam DUN Pasir Raja, DUN Panti dan Negeri Johor yang telah menerima geran tersebut.

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Insentif khas yang dicadangkan oleh pihak kerajaan sebelum PRU 14 di mana, peruntukan khas oleh MPOB bagi program tanam semula bersama felda bermula 2017-2020 bagi mengurangkan beban tanggungan kos oleh peneroka masih belum diterima oleh mana-mana peneroka yang terlibat dengan tanam semula dalam Negeri Johor bagi tempoh 2017-2020.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB TUAN DR. CHONG FAT FULL (PEMANIS)
SOALAN 23 (A139)**

Nyatakan keberkesanan projek Agromix Farm dan langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan kejayaan projek Agromix Farm.

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Projek Agromix Farm yang bermula pada tahun 2017 masih lagi di dalam peringkat penyediaan infrastruktur yang lengkap bagi kegunaan usahawan yang terlibat di dalam projek ini. Projek tanaman durian dan kelapa telahpun dimulakan dan bertanam mengikut keluasan masing-masing manakala usahawan lain yang terlibat bagi projek perikanan dan veterinar di dalam *Agro Mix Farm* ini pula akan menjalankan operasi sepenuhnya setelah penyediaan infrastruktur yang berkaitan siap.

Keberkesanan projek ini tidak dapat diukur pada peringkat awal pelaksanaan projek. Walau bagaimanapun, kesemua pengusaha yang telahpun dipilih untuk menjalankan projek di sini terdiri daripada usahawan yang berpengalaman serta mempunyai latar belakang dan ilmu pertanian yang tinggi bagi memastikan kejayaan Projek Agro Mix Farm ini. Mereka dipilih melalui temuduga yang dijalankan oleh beberapa orang panel daripada Pejabat Daerah Segamat, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor.

Bagi memperolehi keberkesanan dan kejayaan projek, setiap projek di sini akan dipantau oleh pegawai Jabatan yang berkaitan ke atas aktiviti masing-masing. Pihak Jabatan juga akan sentiasa memberikan khidmat nasihat dan kepakaran teknikal untuk membantu usahawan. Penubuhan jawatankuasa penilaian bagi memantau aktiviti usahawan di dalam projek ini juga akan dilaksanakan bagi mengatasi segala permasalahan yang timbul di dalam pelaksanaan projek. Komunikasi dua hala di antara pihak Jabatan terlibat dan juga usahawan adalah penting bagi mendapatkan outcome yang ingin dicapai iaitu kejayaan projek *Agro Mixed Farm* ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)
SOALAN 24 (A196)**

Projek Landasan Berkembar Keretapi Elektrik Gemas-Johor Bahru bakal membuka peluang yang luas di Kluang, apakah perancangan baru kerajaan negeri untuk memastikan ekonomi semakin berkembang?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Pelaksanaan Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Gemas-Johor Bahru adalah sebahagian daripada pelan induk memodenisasikan sistem pengangkutan berasaskan rel di negara ini yang dirancang kerajaan persekutuan

Ia bagi menggantikan landasan tunggal sedia ada termasuk membina stesen baharu yang lebih moden, jejambat, terowong serta sistem elektrifikasi dan sistem persembayanan

Pelaksanaan Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Gemas-Johor Bahru menjadi pemangkin pembangunan dan transformasi Segamat serta Johor walaupun pada peringkat awal projek berkenaan menghadapi cabaran, namun ia tetap diberi keutamaan bagi memodenkan perkhidmatan kereta api di Negeri Johor khususnya.

PLBE Gemas-Johor Bahru sepanjang 197 kilometer dan melalui 11 stesen dijangka akan merangsang pembangunan ekonomi bukan saja di Kluang, malah kawasan lain yang direntasnya di Johor.

Dengan menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam berasaskan rel kepada penduduk sekitar bagi memudahkan perhubungan ke bandar terdekat, ianya dapat merancakkan lagi ekonomi di daerah yang terlibat. Disamping itu, perkhidmatan rel yang mesra alam dapat mengurangkan kesesakan lalulintas sediaada serta menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dengan jaringan integrasi sistem pengangkutan awam yang lain seperti bas dan teksi.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB TUAN MD. YSAHRUDIN BIN HJ. KUSNI (BUKIT NANING)
SOALAN 25 (A183)**

Apakah perancangan kerajaan bagi menyaksikan semua pembangunan dasar dan program kerajaan digubal berdasarkan data dan dapatan empirikal, iaitu beroperasi dengan mengoptimumkan penggunaan "big data"?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Bagi membantu kerajaan negeri dalam meningkatkan kecekapan tadbir urus, menerokai sumber pendapatan baru serta memantau perkembangan negeri Johor secara lebih berkesan, Kerajaan Negeri sedang meneliti untuk mewujudkan "*Johor State Observatory Centre*" (dengan izin) atau Pusat Pemantauan Negeri Johor dengan usahasama pihak Digital Johor Sdn Bhd iaitu anak syarikat milik penuh kerajaan negeri di bawah Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn Bhd.

Pada masa yang sama, ianya juga disokong oleh usaha pihak Iskandar Malaysia (IRDA) yang akan mewujudkan "*Iskandar Urban Observatory Centre (IMUO)*" (dengan izin) atau Pusat Pemantauan Bandar Iskandar yang meliputi kawasan Iskandar Malaysia bermula tahun 2019.

Untuk makluman ahli dewan sekalian, pewujudan pusat data ini akan mengutamakan kerjasama perkongsian data untuk tujuan perancangan pembangunan dengan membuat korelasi dan analisis data serta maklumat merentasi agensi kerajaan dan swasta secara "*crowdsourced*"(dengan izin). Ia sekaligus dapat membantu kerajaan untuk membuat keputusan secara "*informed decision*" (dengan izin) menggunakan data terkini dan lebih tepat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 26 (A110)**

Memohon Menteri Besar agar menghuraikan rancangan pembinaan "Third Link" yang menghubungkan Malaysia dan Singapura.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Kerajaan Negeri Johor sedang meneliti dan membuat perancangan awal untuk membina laluan ketiga dari kawasan Timur Johor (Pengerang) ke Pulau Ubin, Singapura dalam usaha untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di Tambak Johor.

Kerajaan Negeri Johor sedang meneliti dan membuat perancangan awal untuk membina laluan ketiga dari kawasan Timur Johor (Pengerang) ke Pulau Ubin, Singapura dalam usaha untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di Tambak Johor.

Adalah dicadangkan juga pelaksanaan sistem passport berpusat antara Malaysia-Singapura seperti dilaksanakan oleh negara-negara lain. Adalah dijangkakan perbincangan awal juga akan dibuat yang akan membabitkan bersama pihak Singapura terutama dari segi reka bentuk pembinaan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 27 (A80)**

Minta dinyatakan tindakan dan status terkini Pelan Pembangunan Mampan Negeri Johor 2019-2030 yang telah dilancarkan pada 18 Ogos 2018?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Sebagaimana semua sedia maklum, program gerak kerja Pelan Pembangunan Mampan Johor 2019-2030 telah dilancarkan oleh YAB Menteri Besar Johor pada 18 Ogos 2018 yang lalu dengan tema 'Negeri Berprestasi Tinggi, Bangsa Johor Bestari' yang menggariskan lapan (8) teras utama.

Pada ketika ini, jabatan dan agensi berkaitan sedang di dalam proses mendapatkan input atau pandangan dari pihak-pihak berkepentingan secara komprehensif berdasarkan teras masing-masing. Sebagai contoh, adalah perancangan pembangunan wilayah yang merangkumi Utara, Timur dan Tengah Johor sedang dalam proses penambakan dengan mendapatkan input daripada pentadbiran di peringkat daerah.

Selain daripada itu, bagi mendapatkan maklumbalas berkaitan teras aspirasi idealis anak muda, pihak IKLAS sebagai contoh sedang mengadakan siri jelajah bagi mengumpul maklumbalas dari golongan anak muda berkaitan inspirasi dan harapan mereka terhadap kerajaan negeri sehingga tahun 2030. Input-input yang telah diperolehi akan dianalisa dan seterusnya dijadikan perincian dari aspek strategi dan inisiatif-inisiatif pelaksanaan oleh pihak-pihak berkaitan dan ianya juga akan dijadikan sebahagian daripada dokumen bagi negeri Johor untuk persediaan Rancangan Malaysia ke-12.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL (RENGIT)
SOALAN 28 (A60)**

Minta penjelasan kerajaan jumlah peruntukan pembangunan yang bakal diterima Johor sempena Bajet Malaysia 2019. Adakah jumlah tersebut lebih rendah atau tinggi jika dibandingkan dengan tahun 2018 dan 2017. Jelaskan pecahan projek pembangunan tersebut mengikut sektor dan kawasan.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Jumlah peruntukan bajet pembangunan yang diterima oleh negeri Johor bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM2.976 bilion berbanding RM2.1 bilion yang diterima pada tahun 2018 dan RM2.4 bilion yang diterima pada tahun 2017.

Secara keseluruhannya, 20 jabatan dan kementerian menerima peruntukan Dengan peruntukan tertinggi adalah bagi Kementerian Pengangkutan dengan projek Landasan Keretapi Berkembar Gemas ke Johor Bahru menerima peruntukan tertinggi iaitu sebanyak RM1 bilion yang mana projek ini akan bermula pada awal tahun 2018.

Antara projek-projek utama lain yang akan dilaksanakan adalah projek melibatkan penyediaan infrastruktur jalan seperti membina jalan palan persekutuan Yong Peng ke Segamat, projek menaiktaraf Segamat ke Tangkak Fasa 1, Pakej 5 dan projek menaiktaraf jalan dari Sempadan RAPID Petronas ke Pekan Sungai Rengit.

Selain daripada itu, antara projek utama lain yang akan dilaksanakan atau diteruskan pada tahun hadapan ialah projek infrastruktur penyaluran air air Layang 2, pembinaan hospital Pasir Gudang dan Klinik Kesihatan berserta kuarters Kampung Kenangan, Muar, projek perintis Sistem Pengangkutan Bas Rapid Transit (BRT) dan lain-lain lagi antaranya yang melibatkan aspek perumahan rakyat, pendidikan, pembangunan luar bandar dan alam sekitar.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD. NOR (KEMELAH)
SOALAN 29 (A107)**

Antara projek yang bakal di laksana di daerah Segamat adalah penambahbaikan Segamat Inland Port. Apakah perincian kepada penambahbaikan yang bakal di laksana?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Sepanjang tahun 2015 – June 2018, terdapat 2 Projek yang telah diluluskan pelaburan di kawasan sekitar Segamat Inland Port yang bernilai RM170 Juta. Syarikat ini menjalankan aktiviti berkaitan perkayuan dan Biomass. Kini terdapat sebuah syarikat dari Amerika Syarikat yang dijangka akan melabur didalam aktiviti Biomass di kawasan sekitar Segamat Inland Port.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 30 (A173)**

Apakah punca terdapat banyak pokok besar di Hutan Liput Gunung Soga mati dan tumbang? Mohon beri pencerahan yang terperinci dan rancangan yang akan diambil berkenaan perkara ini.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Hutan Lipur Gunung Soga atau Taman Eko Rimba (TER) Soga Perdana adalah satu-satunya hutan lipur di bawah seliaan Jabatan Perhutanan Negeri Johor yang di kelilingi oleh Taman Perumahan. Oleh kerana itu, kawasan ini telah dikategorikan sebagai Hutan Perlindungan.

Tambahan pula, Taman Eko Rimba (TER) Soga Perdana ditumbuhi dengan tumbuhan herba dan pokok-pokok hutan dari Kaum Dipterokarpa dan Kaum Bukan Dipterokarpa dan ia berlapis-lapis. Daripada sudut Silvikultur, lapisan-lapisan dirian pokok iaitu daripada lapisan anak pokok (pokok muda), lapisan pokok kecil dan jaras (sederhana) dan akhir sekali lapisan pokok yang matang (dominan) telah mewujudkan suasana hutan yang dinamik.

Sebagai contoh, sekiranya pembalakan berlaku, pokok-pokok yang dominan iaitu lapisan pokok yang matang akan dipilih untuk dibuat tebangan ataupun (dikeluarkan) daripada sistem ini. Ianya bertujuan bagi membantu tumbesaran pokok-pokok lapisan sederhana tadi untuk membesar dan seterusnya menjadi dominan dalam lingkungan kawasan tersebut. Sistem ini dinamakan Sistem Pengurusan Memilih yang telah diamalkan oleh Jabatan Perhutanan selama ini di dalam kawasan Hutan Pengeluaran.

Untuk makluman ahli dewan, sekiranya tidak dikeluarkan pokok-pokok yang dominan, ia berpotensi untuk mati disebabkan oleh faktor usia (*over matured*) dengan izin dan kelangsungan hidup terutama di kawasan tinggi serta lereng bukit sekarang dan terdapat jua kejadian pokok-pokok besar yang tumbang disebabkan faktor alam seperti tiupan angin yang kuat (luar biasa).

Selain daripada itu juga, Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah mewujudkan Garis Panduan Pengurusan Pokok Bahaya di Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri di seluruh Semenanjung Malaysia dan boleh dimuat turun daripada laman web www.forestry.gov.my sekaligus Panduan ini telah dijadikan rujukan kepada Jabatan Perhutanan Negeri Johor bagi menangani permasalahan ini.

Secara umumnya panduan ini dijadikan rujukan bagi mengenalpasti pokok yang bermasalah, membuat pengawasan dan penilaian terhadap dirian tersebut yang boleh mendatangkan bencana kepada pengunjung dan penempatan di TER dan sekitarnya. Seterusnya merancang teknik atau kaedah pengawalan untuk dilaksanakan. Dan akhir sekali laporan dan dokumentasi akan disediakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 4 DISEMBER 2018**

Pada masa yang sama, Jabatan Perhutanan juga telah melaksanakan beberapa aktiviti-aktiviti *restocking* dan rehabilitasi dalam kawasan ini dengan mempergiatkan lagi penanaman pokok-pokok hutan yang lebih sesuai dan bernilai tinggi bagi menggantikan dan memulihkan hutan tersebut agar terus kekal hijau dan terpelihara.